

25 JUN 1998

SAMY-PROJEK/I

PROJEK BERNILAI LEBIH RM1 BILION DI INDIA MENUNGGU FIRMA MALAYSIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Walaupun banyak syarikat Malaysia menangguhkan pelaburan mereka di seberang laut disebabkan oleh kelembapan ekonomi, dua syarikat tempatan bersiap sedia untuk melaksanakan projek bernilai hampir RM1.5 bilion di Karnataka, sebuah wilayah selatan di India, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Projek-projek tersebut membabitkan pembekalan air mentah dari Sungai Kaveri ke Bangalore bernilai AS\$300 juta (RM1.2 bilion) dan pembinaan lebuhraya bernilai RM200 juta yang menghubungkan lapangan terbang di Thevanhali ke Bangalore.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan rundingan di pejabatnya dengan Menteri Kerja Raya Karnataka, C.M.Udasi yang sedang dalam lawatannya di sini, Datuk Samy Vellu berkata kerajaan negeri Karnataka dijangka membuat keputusan mengenai projek bekalan air tersebut pada akhir bulan depan.

Menurut menteri itu beliau yakin projek menyalurkan air dari Sungai Kaveri ke Bangalore sejauh 250km akan diberikan kepada syarikat Malaysia itu memandangkan kepakaran yang diperkenalkan oleh syarikat itu kepada wilayah itu.

Kata Samy, kerajaan negeri Karnataka akan membuat keputusan mengenai projek lebuhraya sepanjang 28km tidak lama lagi.

"Kedua-dua syarikat Malaysia itu telahpun siap sedia untuk memulakan projek masing-masing," jelasnya.

Samy Vellu berkata syarikat-syarikat Malaysia telah mengemukakan tender bagi mendapatkan beberapa projek termasuk pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Bangalore dan Mangalore serta Jalan Lingkaran Tengah di Bangalore.

"Projek-projek ini sedang dalam perancangan kerajaan negeri Karnataka," kataya.

Mengenai mesyuarat pelancaran Majlis Air Negara yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Jun ini, Samy Vellu menerangkan bahawa mesyuarat tersebut akan membincangkan kemungkinan mencari sumber alternatif air. Seorang pakar perunding bagi tujuan tersebut telahpun diambil.

Perkara-perkara lain yang akan dibincangkan termasuklah mencari jalan bagi menyelesaikan masalah kekurangan air di negara ini secara proaktif, jelas Samy Vellu.

Mesyuarat berkenaan akan dihadiri oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri. -- BERNAMA

ES KY OS